



# Nilai dan Aksi Pendidikan

Oleh Jyh Wee Sew

Sejak tahun 1988 lagi, falsafah pendidikan kebangsaan terus menumpukan perhatian kepada pembentukan insan kamil sebagai satu daripada sistem pendidikan negara. Insan kamil merupakan konsep kerana watak kamil yang nyata masih kurang bilangannya selepas suku abad. Boleh dikatakan bahawa nilai murni terpilih yang diterapkan dalam mata pelajaran sepatutnya kini bercambah subur, tetapi masih belum jelas kelihatan.

Bukti ketandusan nilai murni boleh diterjemahkan dalam beberapa aspek kehidupan. Pertama, kadar jenayah yang saban hari terus meningkat merupakan petanda yang nyata bahawa masyarakat mutakhir ini kehausan nilai murni. Ke mana menghilangnya maruah peribadi yang menjadi pegangan ajaran pendidikan moral dan agama? Kes ragut terus menjadi ruangan tetap "Dalam Negeri" di akhbar arus perdana. Lebih menyedihkan, keganasan yang melibatkan kes ragut termasuk memukul mangsa dengan objek hingga mangsa jatuh koma dan meninggal dunia sebagaimana kes yang berlaku di Taman Century, Johor Bahru baru-baru ini.

Kedua, angkara mogok dan tunjuk perasaan yang terus berleluasa menunjukkan ketandusan nilai murni masyarakat. Jalan pintas untuk meluahkan rasa tidak puas hati dalam bentuk aksi fizikal yang kasar mencerminkan budaya yang berbeza daripada nilai budaya timur itu sendiri. Sistem undang-undang yang wujud turut dibelakangi oleh pihak yang cuba mengalih kuasa di tangan sendiri. Sejauh manakah tindakan lasak yang bersifat ganas dan luahan emosi



yang melampau di alam digital itu berjaya memulihkan keadaan? Bukankah kepintaran minda lebih berkesan menghadapi perbezaan pendapat dalam sistem demokrasi?

Kita harus menghadapi cabaran politik dan sosial yang semakin menguji daya pemikiran. Kini jalan ke Wawasan 2020 penuh dengan cabaran, dugaan dan godaan hingga mampu mengikis nilai murni yang ada. Liku perjalanan ke Wawasan 2020 terus memperlihatkan pelbagai penyelewengan. Memang sistem kapitalis menggalakkan pengkhususan sumber manusia dan komoditi alam untuk mencapai pulangan maksimum. Namun di tengah-tengah alam perniagaan dan sistem perkhidmatan yang dijual beli, nilai murni terus

Peranan pendidikan yang berteraskan nilai murni sekarang perlu dititipkan bersama kelakuan mulia. Lembaran baharu dunia pendidikan kini harus lebih mementingkan tindak-tanduk praktikal yang baik dan berperikemanusiaan.



terlucut di luar bilik rundingan. Ketandusan nilai murni menyebabkan usaha mengubah minda kapitalis mikro ke arah semangat perkhidmatan cemerlang yang menguntungkan semua pihak mengikut hukum-hukum semakin hilang secara perlahan-lahan.

Hanya dengan nilai murni dan fikiran yang waras pelaksana yakin akan perkembangan yang sama rata dalam sistem pengagihan semula jadi. Berteraskan nilai murni, para pengusaha dan pihak bertanggungjawab akan bafikiran bahawa kapitalis yang terancang umpama riak di permukaan air yang akan mencecah setiap lapisan masyarakat.


Tentu sekali ada pihak yang kurang kepayaan ekonomi akan tercicir. Namun begitu, saluran bantuan boleh diwujudkan oleh kerajaan pusat dan pertubuhan sukarela, baik



Usman Awang



Fatimah Busu



Shahnon Ahmad

dari segi kebajikan mahupun pendidikan bantuan. Budaya bantu-membantu yang wujud di bumi bertuah Malaysia masih berperanan penting dan perlu diketalkan melalui pelbagai sumber rangsangan. Baik media massa, institusi keagamaan, badan sivil, mahupun pertubuhan pusat bantuan dalam bentuk sumbangan wang atau khidmat nasihat perlu disampaikan dengan mantap.

Peranan pendidikan yang berteraskan nilai murni sekarang perlu dititipkan bersama dengan kelakuan mulia. Lembaran baharu dunia pendidikan kini harus lebih mementingkan tindak-tanduk praktikal yang baik dan berperikemanusiaan. Usaha untuk mengetengahkan nilai murni dalam kehidupan harian tidak sukar diperoleh.

yang kesemuanya penuh dengan nilai murni berserta tindak-tanduk sebenar boleh dimanfaatkan dalam program pendidikan pada tahap nasional. Pada tahap pendidikan tinggi pula, ulasan yang berkualiti memperlihatkan nilai murni menerusi analisis sarjana seperti yang dimuatkan dalam *Dewan Masyarakat* harus dipergunakan demi kebaikan anak bangsa.

Sistem pendidikan yang menepati budaya dan budi pekerti menerusi penerapan nilai terhadap aksi para pelajar mampu menjana hasil insaniah yang baharu. Semoga generasi baharu yang lebih berjiwa kebangsaan akan muncul demi kemakmuran nusa dan bangsa.

Rancangan *The Oprah Winfrey Show* memelopori usaha melindungi anak perempuan di Afrika. Rancangan *The Ellen DeGeneres Show* juga banyak menunjukkan kerja amal dan sumbangan ke sekolah pedalaman Amerika Syarikat yang kurang dana bagi menghasilkan sistem teknologi maklumat di perpustakaan. Nilai murni dalam rancangan tersebut mudah difahami dan berkesan bagi membantu golongan yang kurang upaya dalam ekonomi kapitalis. Di sebalik kegawatan dunia Barat kita perlu mengakui bahawa mereka juga memelopori nilai murni.

Misalnya, himpunan sajak Usman Awang, koleksi cerpen dan novel Fatimah Busu, novel terpilih Shahnon Ahmad

Himpunan sajak Usman Awang, koleksi cerpen dan novel Fatimah Busu, novel-novel terpilih Shahnon Ahmad yang kesemuanya sarat dengan nilai murni berserta tindak-tanduk sebenar boleh dimanfaatkan ke dalam rancangan pendidikan pada tahap nasional.

